

10/02/1998

Melakar pencapaian pintar di medan MSC

Ahmad Ghazali Musa

MATLAMAT semua itu ialah untuk memastikan projek gergasi seluas 750 kilometer persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang yang menelan belanja kira-kira RM20 bilion itu berada di landasan yang betul.

Bagi memastikan matlamat itu tercapai sekumpulan penasihat dianggotai peneraju utama industri IT, telekomunikasi dan multimedia serta elektronik dunia dibentuk.

Agak menarik pembentukan sekumpulan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC pada 16 Januari tahun lalu itu, ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri mesyuarat pertama IAP di Universiti Stanford, Palo Alto, California tempat munculnya Lembah Silikon.

Daripada kumpulan penasihat itu banyak idea dikumpul dan dijadikan teras pelaksanaan MSC. Mesyuarat kedua akan diadakan di Cyberjaya, nadi pembangunan MSC pada 12 hingga 13 Februari ini.

Seramai 15 daripada 41 anggota IAP MSC sudah mengesahkan kehadiran pada mesyuarat itu. Satu angka yang dilihat tidak begitu menggalakkan, berbanding pertemuan pertama, tetapi sudah cukup untuk membantu pembangunan MSC yang bakal mencorakkan pelbagai aspek kehidupan masa depan negara.

Anggota yang sudah mengesahkan kehadiran termasuk Pengerusi dan Ketua Eksekutif Acer Incorporated, Dr Stan Shih; Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Global Universiti Antarabangsa Jepun; Prof Shumpei Kumon.

Penasihat Kanan Pusat Kajian Antarabangsa dan Strategik Amerika Syarikat, Diana Lady Dougan; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Alcatel Alsthom, Serge Tcuruk; Pengerusi dan Ketua Eksekutif EDS Corporation, Lester Alberthal; Presiden dan Ketua Eksekutif Ericsson, Dr Lars Ramqvist; dan Profesor Sains Komputer dan Pengurusan Awam, Universiti Stanford, Prod William F Miller.

Turut mengesahkan kehadiran ialah Naib Pengerusi Motorola dan Naib Pengerusi dan Ketua Eksekutif Motorola Inc, Gary Tooker; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Madge Networks, Robert Madge; Pengerusi NEC, Dr Tadahiyo Sekimoto; Presiden Nippon Telephone and Telegraph Company's, Jun-Ichiro Miyazu.

Kenichi Ohmae dari Ohmae and Associates; Pengerusi Silicon Graphics World Trade's, Bob Bishop; Presiden dan Ketua Eksekutif Sony Corporation, Nobuyuki Idei; Pengasas Toffler and Associates, Alvin Toffler.

Seramai 19 anggota mengesahkan tidak hadir berikutan jadual yang terlalu ketat. Bagaimanapun, beberapa anggota yang tidak hadir akan menghantar wakil khas sebagai pemerhati, manakala yang lain akan menyertai pada sesi persidangan video.

Meskipun tanpa peneraju gergasi IT perisian Pengerusi Microsoft, Bill Gates (yang dijangka mengadakan sesi perjumpaan khas dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir 18 Mac ini), Presiden Oracle, Larry Ellison, Presiden Netscape, Jim Barksdale, Pengerusi International Business Machines (IBM), Louis Gerstner Jr mesyuarat kali ini pasti meninggalkan kesan yang amat baik terhadap pembangunan MSC.

Ini kerana peneraju pelbagai industri telekomunikasi, multimedia IT dan elektronik paling berwibawa di dunia akan berkumpul di Cyberjaya untuk melihat, merasai, menilai dan mengkaji sendiri persekitaran MSC yang bukan lagi cakap-cakap kosong, tapi sudah menjadi realiti.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, menjelaskan

tujuan penilaian dan kajian terperinci pada mesyuarat itu bagi memastikan sama ada projek MSC bergerak pada landasan yang betul dalam semua aspek pembangunannya.

Mesyuarat yang dijadualkan pada 12 Februari akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perbincangan tidak formal diadakan pada hari berikutnya. Mesyuarat itu turut memasukkan maklum balas anggota IAP berkaitan isu kritikal yang dikenal pasti ketika mesyuarat pertama di Universiti Stanford, 16 Januari tahun lalu.

Antara isu kritikal itu ialah keperluan sumber manusia terutama pakar multimedia dan IT dunia. MSC dijangka memerlukan puluhan ribu tenaga kerja termasuk tenaga pakar dalam pelbagai bidang khusus dalam industri multimedia, telekomunikasi dan IT.

Turut diberi perhatian pada mesyuarat kali ini ialah pembangunan prasarana fizikal sama ada menepati sasaran atau tidak serta usaha menyesuaikan di antara permintaan dan bekalan.

Keutamaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara negara juga akan dikenal pasti sama ada selaras dengan sokongan terhadap daya usaha MSC. Topik penting lain yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu kerjasama tanpa sempadan yang mana begitu kritikal dalam pembangunan MSC.

"Kita mahu melihat sejauh mana anggota IAP yang mewakili syarikat terkemuka IT, multimedia dan telekomunikasi dapat memainkan peranan mereka menyediakan kemudahan kerjasama tanpa batasan sempadan," kata Dr Othman.

Agenda lain termasuk perbincangan mengenai trend global dalam multimedia dan IT, isu berkaitan perdagangan elektronik (E-commerce) terutama isu percukaian yang menjadi isu kritikal. Begitu juga kesan sosial daripada Internet dan isu penyatuan komunikasi dan kandungan. Mesyuarat akan bermula dengan ucapan utama Perdana Menteri disertai persembahan multimedia tiga syarikat daripada tiga kategori iaitu syarikat tempatan, syarikat usaha sama luar negara dan tempatan serta syarikat antarabangsa yang mendapat status MSC. MDC kini dalam proses terakhir memilih syarikat berkenaan. Matlamat utama persembahan multimedia itu bertujuan memberi penjelasan di samping membolehkan anggota IAP merasai tapak pembangunan MSC yang kini bukan lagi di peringkat konsep.

"Kita memang bersungguh-sungguh untuk mengadakan mesyuarat IAP di sini kerana mahu memberi perhatian bagaimana mahu merapatkan di antara hipotesis dan realiti. Kita mahu meyakinkan anggota IAP bahawa kerajaan serius meneruskan pembangunan MSC, meskipun dalam suasana negara menghadapi kegawatan ekonomi," katanya.

Pada hari kedua, anggota IAP akan mengadakan mesyuarat tidak formal dengan Perdana Menteri dan timbalan beliau serta menteri Kabinet. Mereka juga akan menyertai Persidangan Meja Bulat Ekonomi mengenai perdagangan elektronik. Beberapa anggota IAP akan memberikan ucapan dan menyertai panel perbincangan berkaitan isu spesifik. Pada mesyuarat pertama IAP 16 Januari tahun lalu, 22 anggota IAP hadir.

"Sejak itu keanggotaan terus bertambah termasuk beberapa anggota yang mewakili industri multimedia seperti syarikat animasi dan pembangunan kandungan. Kita turut menjemput syarikat yang terbabit dalam memberikan dana berkaitan industri berteknologi tinggi termasuk usaha sama membangunkan teknologi baru untuk menjadi anggota panel," kata Dr Othman.

Selain itu, analisis terperinci akan dilakukan terhadap pengalaman dan kejayaan kritikal Lembah Silikon dan bagaimana menempatkan sejumlah besar syarikat modal di kawasan yang menyokong penyelidikan teknologi terkini.

"Kita mempunyai sejumlah 34 syarikat di negara ini yang memerlukan perhatian. Kita perlu membawa masuk syarikat luar yang mempunyai pengalaman dan berupaya mengenal pasti beberapa hasil penyelidikan yang mempunyai nilai komersil. Mereka boleh mengenal pasti hasil penyelidikan dengan tepat menerusi bentuk perhubungan yang lebih erat. Risiko memang

ada, tetapi boleh diminimumkan menerusi penilaian berterusan," kata Dr Othman.

Namun, bukan mudah meyakinkan peneraju utama pelbagai segmen industri IT, multimedia dan telekomunikasi untuk membuat keputusan menambah pelaburan atau meluaskan pelbagai kegiatan di MSC kerana kebanyakan yang mengambil daya usaha itu bermula daripada zaman sukar. Pertumbuhan industri di Lembah Silikon sebagai contoh, mengambil tempoh 20 tahun sebelum mencapai ke tahap sekarang. Tetapi ia bukan penghalang bagi MSC, walaupun dalam usia yang muda, menjadi jaguh industri yang begitu kompetitif.

Beberapa daya usaha yang diambil di MSC dan usaha menyatukan pelbagai industri IT, multimedia, telekomunikasi dengan undang-undang siber serta peraturan ketat mengenai kawalan pemilik harta intelektual mendahului daya usaha pembangunan IT di kawasan lain. Daya usaha unik itu ditambah dengan persekitaran mesra alam yang lebih selesa, berjaya menarik minat peneraju ternama menganggotai IAP.

Yang penting bagaimana menyatukan idea peneraju industri berwibawa itu bagi peringkat pelaksanaan MSC.

Bagi Ketua Perhubungan Awam British Telecom (BT), Martin O'Connor, forum IAP adalah peluang terbaik membincangkan trend penyatuan IT dan bagaimana mengenal pasti masa depan di rantau ini.

(END)